

08 SEP 2002

Filipina-Peguam/I

KEDUTAAN FILIPINA MAHU LANTIK PEGUAM UNTUK MANGSA ROGOL

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Kedutaan Filipina di sini akan melantik seorang peguam Malaysia bagi memperjuangkan kepentingan seorang gadis Filipina yang berusia 13 tahun yang didakwa dirogol di pusat tahanan sementara di Sabah baru-baru ini.

Duta Filipina di Malaysia Jose Brillantes berkata mendapatkan seorang peguam yang mahir dalam kes penderaan seksual adalah perlu bagi melindungi hak perundangan mangsa semasa siasatan polis.

"Langkah melantik seorang peguam untuk mangsa merupakan tindakan biasa bagi melindungi kepentingan gadis berkenaan semasa siasatan dijalankan," katanya kepada Bernama.

Beliau berkata peraturan kerajaan Malaysia yang tidak membenarkan peguam asing berkhidmat di negara ini, menyukarkan usaha mengambil peguam dari negaranya bagi mangsa kecuali jika ada pengecualian.

Brillantes berkata kedutaannya memiliki senarai peguam Malaysia yang layak dan akan memilih seseorang yang paling layak bagi mengendalikan kes berkenaan.

"Melantik seorang peguam Malaysia merupakan pilihan terbaik sebab mereka lebih mengetahui," katanya.

Brillantes mengulas laporan Manila Times hari ini yang memetik Setiausaha Luar negara itu Blas Ople sebagai berkata, kedutaan Filipina di Kuala Lumpur akan melantik seorang peguam bagi mewakili gadis berkenaan semasa siasatan sedang berjalan.

Ople juga berkata pembiayaan perundangan untuk gadis itu akan didapati daripada Tabung Bantuan Undang-Undang yang ditubuhkan oleh Akta Pekerja Migrasi dan Rakyat Filipina Seberang Laut.

Mengenai sama ada mangsa akan kembali ke Sabah atau polis Malaysia akan pergi ke Bandaraya Zamboanga bagi mengambil kenyataannya, Brillantes berkata perkara itu belum diputuskan lagi.

Beliau diberitahu bahawa pasukan siastan khas yang diketuai Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siastan Khas Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, ACP Takbir Ahmad Nazir telah pergi ke Sabah untuk memulakan siasatan.

Ditanya sama ada pasukan itu telah meminta untuk pergi ke Bandaraya Zamboanga, Brillantes berkata: "Tiada dalam pengetahuan saya."

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman Datuk Salleh Mat Som mengumumkan Jumaat lepas bahawa pasukan khas yang diketuai Takbir telah dibentuk bagi menyiasat dakwaan rogol itu.

Pasukan itu dibentuk selepas Presiden Filipina Gloria Arroyo menghantar surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menggesa beliau menyiasat perkara itu.

Dr Mahathir telah berkata pihak berkuasa Malaysia akan menyiasat dakwaan gadis itu dan membawa orang yang bertanggungjawab ke muka pengadilan sekiranya ia didapati benar.

Mengenai kemungkinan merakamkan dalam pita video kenyataan mangsa dan menyerahkannya kepada polis Malaysia seperti yang dinyatakan Ople, Brillantes berkata ia mungkin merupakan cara terbaik memandangkan keadaan mangsa sekarang.

"Sekiranya ia merupakan pilihan terbaik (pita video), lakukanlah dengan apa cara pun," katanya dan menambah namun perkara itu mesti diperbincangkan lebih lanjut dengan pihak berkuasa Malaysia bagi memastikan kaedah itu diterima mereka.

Bagaimanapun ia adalah lebih baik sekiranya mangsa boleh pergi ke

tempat yang didakwa berlaku jenayah itu dan mengenal pasti pelakunya,
tambah beliau.

-- BERNAMA

MHI AZZ HM